

Muhyiddin: Polis Pantau Blog Lapor Parti Tertentu Rancang Kekecohan Pada PRU13
Bernama
30 April, 2013

KLUANG, 30 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini berkata beliau percaya polis sedang memantau beberapa blog yang menyatakan parti tertentu merancang menimbulkan kekecohan pada pilihan raya umum Ahad ini.

Beliau berkata mereka malahan melaporkan mengenai orang yang akan masuk ke pusat mengundi dan menolak kertas undi sekiranya tidak suka dengan apa yang dibuat oleh pegawai tempat mengundi.

"Kita sedar dan menjangkakan ini kerana ada kenyataan beberapa pihak yang menyokong parti tertentu, yang mengatakan mereka akan buat begitu.

"Tujuannya adalah untuk menimbulkan ketegangan dan apabila itu berlaku mereka akan mengambil (membuat rakaman) video dan menyebarkan perkara itu dan akan tuduh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak adil, pihak polis mengasari mereka," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Perhimpunan Bersama Rakyat 1Malaysia di Layang-Layang di sini.

Turut hadir pada majlis itu ialah isteri Muhyiddin, Puan Sri Noorainee Abd Rahman, Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad dan Pengerusi BN Simpang Renggam Abdul Hamid Abdul Rahman.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=946503>